



MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ

JALAN TEMPLER, 46000 PETALING JAYA, SELANGOR

TEL: 03-77852540/41 E-MEL : mjsaapj01@gmail.com



BORANG PERMOHONAN TAPAK BERNIAGA BAZAR JUMAAT

Jenis Permohonan	<input type="checkbox"/> Baru (tidak pernah berniaga di Bazar MJSAA pada tahun 2023) <input type="checkbox"/> Pembaharuan ('Renewal')		
Dokumen yang perlu disertakan oleh pemohon baru	<input checked="" type="checkbox"/> Salinan Kad Pengenalan <input checked="" type="checkbox"/> Salinan Sijil Suntikan Thypoid (perlu disertakan bagi peniaga makanan / minuman)		
Nama Pemohon			
No. Kad Pengenalan		No. Telefon	
Alamat			
Kategori Perniagaan	<input type="checkbox"/> Makanan <input type="checkbox"/> Minuman <input type="checkbox"/> Lain-Lain		
Kegunaan Perniagaan	<input type="checkbox"/> Gerai <input type="checkbox"/> Van <input type="checkbox"/> Motosikal		
Jenis Perniagaan/Jualan			
Cara Penyediaan (contoh: siap dimasak / menggoreng di bazar)			
Jumlah Tapak Di Mohon	<input type="checkbox"/> 1 Tapak <input type="checkbox"/> 2 Tapak <input type="checkbox"/> 3 Tapak		
Tandatangan Pemohon & Tarikh			

UNTUK KEGUNAAN PENGURUSAN MJSAA SAHAJA

Diluluskan (No. Tapak: _____) Tidak Diluluskan



MAKLUMAT PEMBAYARAN (sila simpan sebagai bukti kebenaran berniaga)

Diterima daripada	
Bayaran untuk	Tapak Bazar Jumaat bagi tempoh _____
Jumlah Bayaran	RM _____ (Tunai / Online Banking / Cek: _____)

Sekiranya saya mendapati melanggar syarat dan peraturan yang telah ditetapkan, pihak MJSAA berhak menghentikan perniagaan saya serta-merta.

Tandatangan Peniaga,

Tandatangan bagi pihak MJSAA,

.....

.....

Tarikh:

Tarikh:



MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ

JALAN TEMPLER, 46000 PETALING JAYA, SELANGOR

TEL: 03-77852540/41 E-MEL : mjsaapj01@gmail.com



SYARAT-SYARAT PENIAGA BAZAR JUMAAT DI MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ (MJSAA)

A. SYARAT DAN PERATURAN

1. Aktiviti Perniagaan

- a) Peniaga hendaklah membayar sewa tapak **RM 25** untuk satu (1) petak. Bayaran hendaklah dibuat **secara penuh untuk tempoh dua (2) bulan** perniagaan ke Akaun BIMB 12047010001542 dengan rujukan 'Bazar Jumaat' sebelum memulakan perniagaan.
- b) Waktu berniaga yang ditetapkan adalah pada jam **11.00 pagi hingga 2.30 petang**.
- c) Peniaga perlu menyediakan meja dan kerusi untuk perniagaan sendiri dan tidak dibenarkan membuat bising sepanjang perniagaan dijalankan.
- d) Semua peniaga **diwajibkan menghentikan urusan jual/beli 15 minit sebelum seruan azan dikumandangkan**. Bagi peniaga muslim adalah diwajibkan menunaikan Solat Jumaat di ruangan solat masjid sahaja (solat adalah tidak sah sekiranya terputus saf).
- e) Kebersihan dan keselamatan wajib diutamakan sepanjang perniagaan dijalankan dan ianya adalah tanggungjawab peniaga sepenuhnya.
- f) Peniaga dan semua pekerja digalakkan memakai 'facemask'.
- g) Petak tidak boleh disewakan atau dipindah milik kepada sesiapaupun.
- h) Berniaga di petak yang diluluskan oleh pihak MJSAA sahaja. Peniaga boleh dikenakan tindakan jika berniaga di luar petak atau petak lain.
- i) Peniaga dilarang meletak kenderaan di dalam petak, hanya peralatan berniaga sahaja dibenarkan.
- j) Peniaga hendaklah mempamerkan 'tanda harga' bagi setiap barangan yang dijual.
- k) Pembaharuan kebenaran berniaga boleh dibuat **seawal dua (2) minggu sebelum tempoh tamat** dengan mengisi semula borang permohonan.



MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ

JALAN TEMPLER, 46000 PETALING JAYA, SELANGOR

TEL: 03-77852540/41 E-MEL : mjsaapj01@gmail.com



- l) Pihak MJSAA berhak mengarahkan peniaga menghentikan perniagaannya atau mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya didapati peniaga melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat ditetapkan.

2. Pengendali Makanan dan Minuman

- a) Peniaga dan semua pekerja hendaklah mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan **suntikan Thypoid**.
- b) Peniaga dan semua pekerja perlu berpakaian bersih, kemas, menutup aurat dan mengamalkan kebersihan diri.
- c) Menggunakan pembungkus makanan yang selamat.
- d) Tempat memasak perlu dialas agar tidak merosakkan permukaan petak dan dapat menghalang pencemaran.

3. Kebersihan Tempat Perniagaan

- a) Peniaga hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi dan membersihkan apa jua jenis sampah perniagaan di kawasan sekitar dan dilarang meninggalkan sampah di tempat perniagaan.
- b) Semua jenis sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sampah peniaga dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak MJSAA.
- c) Peniaga tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa barang atau peralatan di kawasan masjid selepas perniagaan ditutup. Tidak dibenarkan menggunakan paip dan sinki masjid sebagai tempat mencuci bekas dan sisa makanan.
- d) Peniaga hendaklah memastikan tempat perniagaan sentiasa bersih, kemas, dan teratur sepanjang perniagaan dijalankan dan juga selepas perniagaan ditutup.

* Syarat-syarat diatas adalah tertakluk kepada pindaan pihak MJSAA dari masa ke semasa.